



مجلس اكابر اسلام ملاك
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

GARIS PANDUAN PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)





GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN A: PENGENALAN

4-10

- 1.0 LATAR BELAKANG
- 2.0 OBJEKTIF
- 3.0 VISI
- 4.0 MISI
- 5.0 TAFSIRAN

BAHAGIAN B: KEMASUKAN PENGHUNI

11-12

- 6.0 SYARAT PERMOHONAN
- 7.0 KAEDAH PERMOHONAN
- 8.0 PENGAMBILAN PENGHUNI BAHARU

BAHAGIAN C: TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

13-14

- 9.0 IBU/BAPA/PENJAGA
- 10.0 PIHAK PENGURUSAN RUMAH KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM/MISKIN MAM
- 11.0 TANGGUNGJAWAB PENGHUNI

BAHAGIAN D: AKTIVITI HARIAN PENGHUNI

14-15

BAHAGIAN E: TEMPOH TINGGAL DI ASRAMA

16

BAHAGIAN F: PERATURAN ASRAMA

16-20

- 12.0 PENDIDIKAN
- 13.0 TINGKAHLAKU DAN AKHLAK (DALAM DAN LUAR ASRAMA)
- 14.0 PAKAIAN
- 15.0 KEBERSIHAN DAN KESIHATAN
 - a. Kebersihan dan Kesihatan Diri Penghuni
 - b. Kebersihan Dorm
 - c. Kebersihan Dewan Makan
 - d. Kebersihan Bilik Air dan Tandas
 - e. Kebersihan Kawasan Asrama
- 16.0 AKTIVITI/PROGRAM
- 17.0 KESELAMATAN



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

18.0 PENGGUNAAN AIR DAN ELEKTRIK

19.0 KELUAR MASUK ASRAMA UNTUK URUSAN PERIBADI

20.0 PELAWAT

BAHAGIAN G: PENGHUNI YANG MELANGGAR PERATURAN ASRAMA

21

BAHAGIAN H: KATEGORI-KATEGORI KESALAHAN ASRAMA

22-24

21.0 KATEGORI A (BERAT)

22.0 KATEGORI B (SEDERHANA)

23.0 KATEGORI C (RINGAN)

BAHAGIAN I: TINDAKAN TATATERTIB

25-27

24.0 HUKUMAN KATEGORI A (BERAT)

25.0 HUKUMAN KATEGORI B (SEDERHANA)

26.0 HUKUMAN KATEGORI C (RINGAN)

BAHAGIAN J:

28-29

27.0 AM

28.0 JAWATANKUASA DISIPLIN ASRAMA

BAHAGIAN K: LAMPIRAN



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

BAHAGIAN A: PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG

PERANAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM) DALAM PENTADBIRAN

INSTITUSI KEBAJIKAN ANAK YATIM/MISKIN NEGERI MELAKA: RAYSAS DAN KAYFAZ

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) sebagai badan berautoriti dalam hal ehwal Islam di negeri Melaka dipertanggungjawabkan untuk menguruskan kebajikan umat Islam termasuk aspek zakat, wakaf, pendidikan Islam dan penjagaan golongan asnaf. Selaras dengan tanggungjawab tersebut, MAIM memainkan peranan utama dalam mentadbir dua institusi anak yatim negeri ini iaitu **Rumah Anak-Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj (RAYSAS)** bersama **Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Miskin Pantai Puteri, Melaka**, dan **Kompleks Anak Yatim Fatimah Al-Zaharah (KAYFAZ)** bersama **Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia Perhubungan Negeri Melaka (LKPIPM PNM)**. Kedua-dua institusi ini diletakkan di bawah pentadbiran MAIM bagi memastikan pengurusan kebajikan anak-anak yatim dan miskin dilakukan secara tersusun, berlandaskan prinsip syariah, serta mendapat jaminan dana berterusan melalui agihan zakat Asnaf Fisabilillah. Keberadaan MAIM sebagai penaung rasmi memberi kredibiliti, kestabilan pentadbiran dan jaminan kebajikan jangka panjang kepada anak-anak yatim di negeri Melaka

SEJARAH PENUBUHAN RUMAH ANAK-ANAK YATIM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ (RAYSAS)

Rumah Anak-Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj (RAYSAS) merupakan sebuah institusi kebajikan Islam yang dibina atas dasar kasih sayang, prihatin dan tanggungjawab sosial terhadap anak-anak yatim dan miskin di negeri Melaka. Ia bukan sekadar bangunan penjagaan, tetapi sebuah rumah harapan yang diasaskan untuk membina masa depan mereka yang telah kehilangan tempat berteduh dan pergantungan hidup.

Cetusan idea ini lahir daripada hati seorang pemimpin negeri yang melihat masa depan dengan mata hati Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, yang ketika itu memegang jawatan



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

sebagai Ketua Menteri Melaka. Beliau mengimpikan sebuah institusi kebajikan yang bukan sahaja mampu memberi perlindungan, bahkan menjadi model teladan bagi negeri-negeri lain — dari sudut pendidikan, pembinaan sahsiah, kemahiran, serta kesejahteraan hidup anak-anak yatim yang terjaga rapi.

2001: Tanah Wakaf dan Pembinaan Dimulakan

Cita-cita murni ini mula direalisasikan apabila **YBhg. Datuk H.M. Shah** serta keluarga **Sidang Mahat Bin Nekmat** dengan penuh keikhlasan mewakafkan **sebanyak 1.7 ekar tanah di Mukim Tanjung Kling**, Melaka kepada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bagi tujuan pembinaan institusi ini.

Projek pembinaan dimulakan pada tahun 2001, dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak **RM2.57 juta** yang diperoleh hasil daripada sumbangan pelbagai pihak, iaitu:

- i. **RM1.5 juta** – Peruntukan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)
- ii. **RM500,000** – Tabung Amanah Dakwah Negeri Melaka
- iii. **RM400,000** – Kutipan hasil Golf Amal DYMM Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj
- iv. **RM170,000** – Sumbangan orang ramai

Segala usaha dan dana yang dikumpulkan ini menjadi asas kepada terbentuknya sebuah institusi kebajikan Islam yang begitu bermakna buat negeri Melaka dan negara.

2002: Operasi Bermula dan Nama Diabadikan

RAYSAS mula beroperasi secara rasmi pada **13 Mac 2002**, di lokasi yang tenang dan strategik di Pantai Puteri, Tanjung Kling, Melaka. Lokasinya dipilih dengan penuh hikmah — berhampiran laut yang mendamaikan, jauh daripada hiruk-pikuk kota, memberi ruang terbaik untuk pertumbuhan emosi, akal dan rohani anak-anak yatim yang dijaga.

Nama **RAYSAS** diabadikan sebagai tanda penghormatan kepada Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Sultan Selangor



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

merangkap Yang di-Pertuan Agong ke-11, yang semasa hayatnya amat terkenal dengan keprihatinan terhadap nasib anak-anak yatim di seluruh negara. Nama ini bukan sekadar simbol penghormatan, tetapi **doa yang tidak putus agar roh perjuangan baginda terus hidup dalam bentuk amal jariah yang berpanjangan.**

Struktur Awal Pengurusan dan Permulaan Penghuni

Seramai 100 orang anak-anak yatim dan miskin telah ditempatkan pada peringkat awal penubuhan. Mereka menjadi kumpulan perintis yang mencorakkan sejarah awal rumah ini dengan air mata, senyuman dan harapan baru.

Pengurusan awal RAYSAS diketuai oleh dua tokoh utama yang amat berjasa:

- **Pengerusi Penubuhan hingga kini (2025):** YBhg. Datuk Wira Haji Yaakub bin Md Amin
- **Pengurus Pertama:** Al-Fadhil Ustaz Haji Ibrahim bin Haji Abd Hamid

Kedua-dua tokoh ini telah memainkan peranan penting dalam merancang, memimpin dan membangunkan sistem pentadbiran serta program pembangunan anak-anak yatim secara tersusun dan menyeluruh.

Keprihatinan Diraja Berterusan

Sebagai menyambung semangat dan kasih Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, **DYMM Sultan Selangor, Raja Muda Selangor serta kerabat Diraja** masih terus hadir setiap kali bulan Ramadan menjelma, menyantuni anak-anak yatim RAYSAS dan menyampaikan sumbangan sebagai bukti **kasih diraja yang tidak pernah padam** terhadap nasib mereka.

2025: RAYSAS Hari Ini

Kini, pada tahun **2025**, seramai **31 orang anak-anak yatim dan miskin** sedang menerima penjagaan sepenuh masa di bawah pentadbiran **Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)**. Segala kos operasi ditanggung sepenuhnya menerusi **peruntukan**



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

zakat Asnaf Fisabilillah, di samping sumbangan masyarakat yang prihatin dan pemurah.

Sebagai sebuah institusi kebajikan Islam yang dinaungi MAIM, **RAYSAS berpegang teguh kepada visinya untuk membina anak-anak yatim yang bukan sahaja cemerlang dalam pendidikan, tetapi juga teguh akhlaknya, tinggi kemahirannya dan kuat jiwanya.** Mereka dibentuk agar menjadi insan yang mampu berdikari, menyumbang kepada pembangunan ummah dan negara serta menjadi penyambung amal jariah semua yang terlibat dalam menjayakan institusi ini.

Penutup: Rumah Ini, Rumah Harapan

RAYSAS bukan sekadar tempat tinggal. Ia adalah rumah kehidupan kedua buat anak-anak yang kehilangan. Ia dibina dengan kasih sayang, dibiayai dengan amanah ummah, dan diteruskan dengan semangat istiqamah. Di sinilah tumpahnya kasih. Di sinilah kembalinya harapan. Dan di sinilah bermulanya masa depan.

SEJARAH PENUBUHAN KOMPLEKS ANAK YATIM FATIMAH AL-ZAHARAH (KAYFAZ)

Kompleks Anak Yatim Fatimah Al-Zaharah (KAYFAZ) adalah lambang cinta dan pengorbanan sebuah perjuangan yang berakar daripada kasih sayang, simpati dan keprihatinan terhadap nasib anak-anak yatim dan miskin di negeri Melaka. Penubuhannya diasaskan oleh seorang tokoh wanita yang luhur budi dan tinggi azamnya, Puan Sri Datuk Hajah Zabedah binti Abdullah, selaku Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIM), Cawangan Perkim Negeri Melaka (PNM).

Dengan iltizam yang tidak pernah luntur, beliau mengilhamkan penubuhan sebuah kompleks kebajikan yang dapat menyediakan bukan sahaja tempat berlindung, tetapi juga persekitaran yang membina akhlak, sahsiah dan masa depan anak-anak yatim perempuan di negeri ini.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

1993: Tanah Wakaf, Asas kepada Harapan

Segala usaha murni ini mula terbina apabila Puan Hajah Che Mah binti Hitam dengan penuh keikhlasan telah mewakafkan sebidang tanah seluas 3.5 ekar di Lot 1120, Mukim Bukit Katil, Melaka kepada LKPIM PNM. Tanah ini menjadi titik mula kepada impian besar membangunkan sebuah rumah anak yatim yang lengkap dan terurus.

1995: Permulaan Pembinaan dan Ujian Ketabahan

Dengan semangat berkobar-kobar, LKPIM PNM telah memulakan projek pembinaan sebuah asrama tiga tingkat di tapak tersebut. Sebuah Tabung Anak-Anak Yatim dan Miskin turut diwujudkan bagi menggerakkan kutipan dana.

Namun, kekangan kewangan menjadi cabaran utama. Projek terpaksa ditangguhkan buat seketika. Walaupun dihipit kesukaran, semangat perjuangan ahli-ahli LKPIM tidak pernah luntur. Pelbagai aktiviti amal, kempen kutipan derma dan kolaborasi diadakan di seluruh cawangan negeri. Hasilnya, dengan bantuan individu perseorangan dan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka, pembinaan berjaya diteruskan dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.2 juta.

1998: Batu Asas Sebuah Amanah

Pada tahun 1998, impian ini semakin hampir menjadi kenyataan apabila Majlis Meletak Batu Asas telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Al-Haj bin Syed Mahmud Shahabudin, Yang di-Pertua Negeri Melaka ketika itu. Batu asas itu bukan sekadar simbol fizikal, tetapi menjadi asas amanah kepada generasi yang kehilangan tempat bergantung.

2004: Bangunan Siap, Harapan Menyalah

Setelah hampir satu dekad berjuang, pada 15 Mac 2004, bangunan Kompleks Anak Yatim Fatimah Al-Zaharah (KAYFAZ) siap sepenuhnya. Ia berdiri megah bukan kerana batu-bata dan simen semata-mata, tetapi kerana keringat, air mata dan doa yang tidak putus-putus demi anak-anak yang memerlukan.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

2005: Pengiktirafan dan Kerjasama Rasmi

Pada 27 Oktober 2005, KAYFAZ memperoleh Sijil Kesempurnaan Menduduki (CF) daripada pihak berkuasa tempatan, menandakan bangunan ini selamat dan sah digunakan secara rasmi.

Tahun yang sama, kerjasama strategik dimeterai bersama Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), bagi mentadbir operasi asrama dan menyelenggara kebajikan anak-anak yatim dan miskin yang menghuni KAYFAZ.

2006: Perasmian dan Langkah Baharu

Pada 16 Mac 2006, Majlis Perasmian KAYFAZ telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka. Seramai 32 orang pelajar perempuan dari kalangan anak-anak yatim dan miskin negeri Melaka telah menjadi kumpulan penghuni pertama yang diraikan dalam suasana penuh kasih dan harapan.

2008: Ziarah Diraja, Pengiktirafan Tertinggi

Pada 12 April 2008, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah telah berkenan mencemar duli mengadakan lawatan ke KAYFAZ. Kunjungan ini merupakan suatu penghargaan yang amat bermakna, menyuntik semangat kepada warga pengurusan dan penghuni untuk terus melangkah maju.

2015: Jaminan Masa Depan Tanah Wakaf

Sebagai langkah memperkukuh keabsahan pemilikan dan pentadbiran tanah wakaf, pada 16 Disember 2015, LKPIM PNM telah menandatangani Perjanjian Pajakan Tanah dengan MAIM, menjadikan Majlis Agama Islam Melaka sebagai pemegang amanah rasmi kepada institusi ini.

Penutup: Cinta yang Tidak Bertepi

Kompleks Anak Yatim Fatimah Al-Zaharah bukanlah sekadar sebuah bangunan. Ia adalah rumah harapan, pusat kasih sayang dan medan perubahan nasib anak-anak yatim dan miskin perempuan yang pernah kehilangan tempat bergantung. Dari



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

sekeping tanah wakaf kepada sebuah institusi yang terurus, KAYFAZ berdiri sebagai bukti bahawa cinta yang ikhlas, walaupun bermula dari jiwa seorang insan, mampu menyentuh dan mengubah kehidupan generasi yang mendatang.

2.0 OBJEKTIF

- Memberi penempatan dan kemudahan yang sempurna serta membentuk suatu kehidupan yang harmoni dan selesa bagi anak-anak yatim dan miskin.
- Memberikan perkhidmatan bimbingan dan pandangan serta tunjuk ajar dalam sesi pembelajaran kepada anak-anak yatim dan miskin.
- Melahirkan anak-anak yatim dan miskin untuk menjadi insan yang soleh dan solehah serta berguna kepada agama, bangsa dan negara.

3.0 VISI

- Melahirkan insan yang berilmu, beriman dan bertaqwa serta berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

4.0 MISI

- Menjadikan anak-anak yatim dan miskin yang berwibawa, berdedikasi dan berakhlak mulia.
- Membentuk jati diri dan berhemah tinggi.

5.0 TAFSIRAN (Rujuk PK(K)-MAIM-03-PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM.pdf)

- Anak Yatim
Imam al-Jurjani dalam kitabnya *al-Ta'rifat* menyebut: *Yatim ialah seseorang yang bapanya telah meninggal dunia kerana nafkah adalah di atas tanggungjawab bapa tersebut, bukan atas ibu.*
- Anak Yatim Piatu
Anak yatim piatu merujuk kepada seseorang anak yang kematian kedua ibu bapanya.
- Anak Miskin



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

Anak miskin merujuk kepada seseorang anak daripada keluarga tidak mempunyai harta atau hasil pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya.

- Anak Tidak Sah Taraf

Anak tidak sah taraf merujuk kepada seseorang anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.

- Keluarga Bermasalah

Keluarga bermasalah merujuk kepada keluarga yang mengalami pelbagai isu dan konflik yang menjejaskan kesejahteraan dan kebajikan anak-anak.

- Penghuni Asrama

Merujuk kepada orang yang tinggal di asrama. Selepas ini disebut sebagai penghuni.

BAHAGIAN B: KEMASUKAN PENGHUNI

Penempatan pelajar melibatkan dua buah Rumah Kebajikan Anak Yatim/Miskin MAIM, iaitu Rumah Anak Yatim/Miskin Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj (RAYSS) untuk penghuni lelaki dan Kompleks Anak Yatim/Miskin Fatimah Al-Zaharah (KAYFAZ) untuk penghuni perempuan.

6.0 SYARAT PERMOHONAN

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Calon penghuni dan ibu/bapa/penjaga hendaklah lahir atau bermastautin sekurang-kurangnya 2 tahun dan tinggal di negeri Melaka.
- c. Calon penghuni berumur 8 hingga 13 tahun.
- d. Pendapatan ibu/bapa/penjaga bawah RM 1,700.00.
- e. Calon penghuni mestilah bersekolah.
- f. Calon penghuni tidak mempunyai rekod jenayah juvana dan masalah disiplin di sekolah.
- g. Calon penghuni sihat fizikal dan mental (tidak mempunyai sebarang penyakit kronik dan perlu disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar).



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

- h. Calon penghuni hendaklah daripada kategori:
 - Anak yatim atau yatim piatu;
 - Anak miskin;
 - Anak daripada keluarga bermasalah; atau
 - Anak tidak sah taraf
- i. Permohonan calon penghuni boleh dipertimbangkan seramai dua orang sahaja bagi satu keluarga.
- j. Pengambilan tidak melebihi kuota yang telah ditetapkan iaitu 80% anak yatim dan 20% anak miskin/keluarga bermasalah.
- k. Walau apa pun syarat yang dinyatakan di atas, pihak pengurusan atas budi bicaranya boleh mengecualikan mana-mana syarat yang dinyatakan.

7.0 KAEDAH PERMOHONAN

- a. Borang permohonan kemasukan boleh diperolehi di Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin MAIM atau laman sesawang rasmi MAIM www.maim.gov.my.
- b. Borang permohonan adalah percuma dan satu borang untuk satu permohonan.
- c. Borang dan dokumen yang telah lengkap perlulah dihantar ke Rumah Kebajikan Anak-anak Yatim/Miskin MAIM dalam tempoh yang dinyatakan dalam iklan.

8.0 PENGAMBILAN PENGHUNI BAHARU

- a. Permohonan yang menepati syarat pengambilan calon penghuni ke Rumah Kebajikan Anak Yatim/Miskin MAIM akan dipanggil bagi sesi temuduga.
- b. Calon penghuni dan ibu/bapa/penjaga diwajibkan hadir mengikut sesi temuduga yang dijadualkan dengan membawa dokumen-dokumen asal yang telah ditetapkan.
- c. Panel temuduga terdiri daripada:
 - i. Wakil daripada MAIM;
 - ii. Wakil daripada Lembaga Rumah Kebajikan Anak Yatim/Miskin MAIM; dan
 - iii. Pengurus Rumah Kebajikan Anak-anak Yatim/Miskin MAIM.
- d. Keputusan temuduga akan disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Pengurusan Rumah Kebajikan Anak Yatim/Miskin MAIM.



GARIS PANDUAN

**PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)**

- e. Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon selewat-lewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas temuduga.

BAHAGIAN C: TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

9.0 IBU/BAPA/PENJAGA

- a. Bagi calon penghuni yang berjaya, proses pertukaran sekolah perlu diuruskan oleh ibu/bapa/penjaga melalui Jabatan Pendidikan Negeri seperti yang telah dinyatakan dalam surat tawaran dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh surat tawaran diterima.
- b. Bagi penghuni yang telah diterima, adalah menjadi tanggungjawab ibu/bapa/penjaga untuk mengambil slip keputusan peperiksaan di sekolah dan kemudian hendaklah diserahkan kepada pihak pengurusan asrama untuk tujuan rekod.
- c. Ibu/bapa/penjaga hendaklah membenarkan anak/anak jagaan untuk menyertai apa-apa program/aktiviti anjuran pihak sekolah atau Rumah Kebajikan Anak-anak Yatim/Miskin MAIM kecuali dengan kebenaran/pertimbangan pihak pengurusan.

10.0 PIHAK PENGURUSAN RUMAH KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM/MISKIN MAIM

- a. Mendaftarkan nama penghuni baharu dan mendokumentasikan dokumen peribadi dalam fail penghuni.
- b. Memberikan taklimat mengenai peraturan asrama kepada ibu/bapa/penjaga dan penghuni.
- c. Menempatkan penghuni di dalam dorm mengikut kesesuaian umur.
- d. Mengagihkan keperluan persekolahan/kelengkapan diri penghuni sepanjang tinggal di asrama.
- e. Membawa dan mendaftar penghuni ke sekolah baru (SMK/SK/SRA).
- f. Membuat segala bayaran yuran dan tuntutan yang dikenakan oleh pihak sekolah.
- g. Mengagihkan wang saku penghuni setiap hari.
- h. Pemeriksaan/pengawasan dorm akan dibuat oleh penyelia asrama pada setiap hari.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

- i. Melantik tukang masak untuk menyediakan makan dan minum bagi ~~pelajar~~ penghuni di Rumah Kebajikan Anak-anak Yatim/Miskin MAIM yang bekerja mengikut syif sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak pengurusan asrama atau berdasarkan arahan dari semasa ke semasa.
- j. Melantik pembekal bahan mentah kering dan basah secara kontrak untuk menghantar barangan mengikut keperluan pesanan.
- k. Memantau penerimaan barangan keperluan mengikut kuantiti dan kualiti yang telah ditetapkan.
- l. Menyediakan makanan harian mengikut menu yang ditetapkan oleh ~~pentadbiran~~ pengurusan.
- m. Memantau kuantiti, kualiti, kebersihan dan keselamatan makanan yang dimasak oleh tukang masak.
- n. Memastikan tukang masak mengagihkan makanan kepada ~~pelajar~~ penghuni.
- o. Memantau kebersihan dewan makan setiap hari.

11.0 TANGGUNGJAWAB PENGHUNI

Mematuhi peraturan seperti di Bahagian F : Peraturan Asrama Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin MAIM (Buku Panduan Pengurusan Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin MAIM).

BAHAGIAN D: AKTIVITI HARIAN PENGHUNI

1. Penghuni mestilah mematuhi jadual yang telah ditetapkan seperti di Jadual Harian Penghuni (Jadual 1).
2. Penghuni mestilah mengikuti aktiviti pada hujung minggu dan hari kelepasan am, akan berubah-ubah mengikut program/jemputan luar seperti Jabatan-Jabatan Kerajaan/ Badan Bukan Kerajaan/Institusi Pengajian Tinggi/orang perseorangan. Antara aktiviti yang dijalankan seperti majlis bersama pemimpin/majlis-majlis perasmian/majlis keagamaan/gotong-royong kawasan asrama/sukaneka/ kompang/ marhaban dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.
3. Penghuni juga perlu memenuhi jemputan berbuka puasa anjuran Jabatan-Jabatan Kerajaan/Badan Bukan Kerajaan/Institusi Pengajian Tinggi/orang perseorangan.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

JADUAL HARIAN PENGHUNI (JADUAL 1)

HARI PERSEKOLAHAN		HARI CUTI (SABTU/AHAD/CUTI UMUM)	
WAKTU	AKTIVITI	WAKTU	AKTIVITI
5.30 pg	Bangun pagi/mandi/pakaian seragam sekolah	5.30 pg	Bangun pagi/mandi
6.00 pg	Solat Subuh berjemaah	6.00 pg	Solat Subuh berjemaah
6.30 pg	Sarapan pagi	7.30 pg	Sarapan pagi
6.45 pg	Menaiki pengangkutan yang disediakan ke sekolah	8.00 pg	Mengemas dorm dan mencuci kasut sekolah
1.30 ptg	Makan tengahari dan Solat Zohor	8.30 pg	Aktiviti kerohanian
3.30 ptg	Ulangkaji pelajaran	9.00 pg	Ulangkaji pelajaran/aktiviti bebas
4.30 ptg	Solat Asar berjemaah	12.30 tgh	Makan tengahari/lawatan penjaga
5.00 ptg	Minum petang	1.30 ptg	Solat Zohor berjemaah/aktiviti bebas
5.15 ptg	Kelas <i>Halaqah</i>	4.30 ptg	Solat Asar berjemaah
6.00 ptg	Riadah	5.00 ptg	Minum petang
6.30 ptg	Makan malam/persiapan diri (mandi)	5.30 ptg	Riadah
7.00 mlm	Solat Maghrib berjemaah	6.30 ptg	Makan malam/persiapan diri (mandi)
8.30 mlm	Kelas Tuisyen	7.00 mlm	Solat Maghrib berjemaah
10.00 mlm	Solat Isyak berjemaah	8.30 mlm	Solat Isyak berjemaah/aktiviti bebas
10.30 mlm	Minum malam	10.30 mlm	Minum malam
11.00 mlm	Tutup lampu/tidur	11.00 mlm	Tutup lampu/tidur

Jadual ini adalah tertakluk kepada perubahan.



GARIS PANDUAN

**PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)**

BAHAGIAN E: TEMPOH TINGGAL DI ASRAMA

1. Penghuni akan tinggal di asrama seawal tahun dua (2) sehingga tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan sehingga tamat Program Persediaan Universiti (PPU) bagi mereka yang layak.
2. Penghuni yang telah menamatkan persekolahan akan diserahkan semula kepada ibu/bapa/penjaga.
3. Penghuni yang didapati bersalah atas apa-apa kesalahan disiplin bagi kategori kesalahan Kelas A di sekolah atau kesalahan disiplin di asrama akan digantung atau dikeluarkan dari Rumah Kebajikan Anak-anak Yatim/Miskin MAIM mengikut prosedur yang ditetapkan.

BAHAGIAN F: PERATURAN ASRAMA

12.0 PENDIDIKAN

- a. Penghuni hendaklah menunjukkan kesungguhan dalam pelajaran masing-masing.
- b. Semua sesi jadual waktu persekolahan hendaklah dipatuhi.
- c. Penghuni tidak dibenarkan berada di asrama sewaktu sesi persekolahan kecuali masalah kesihatan.
- d. Semua penghuni diwajibkan menghadiri kelas tambahan/tuisyen/ulangkaji dan program-program lain mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan asrama.

13.0 TINGKAHLAKU DAN AKHLAK (DALAM DAN LUAR ASRAMA)

- a. Setiap penghuni mestilah sentiasa bersopan santun dan berkelakuan baik.
- b. Tidak melanggar mana-mana bentuk kesalahan yang terdapat dalam buku Peraturan Asrama Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin MAIM.
- c. Penghuni dikehendaki menunjukkan sahsiah yang baik terhadap semua pegawai/kakitangan/pelawat/tetamu Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin MAIM.
- d. Penghuni dilarang membuat bising di dalam dorm.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

14.0 PAKAIAN

- Penghuni mestilah sentiasa berpakaian menutup aurat, bersih dan kemas.
- Penghuni mestilah memastikan pakaian sekolah sentiasa bersih, kemas, bergosok, mempunyai tanda nama dan lencana.
- Penghuni perempuan wajib bertudung dan menutup aurat dengan sempurna ketika melangkah keluar dari dorm asrama.
- Penghuni mestilah memakai pakaian solat yang dikhususkan untuk bersolat.
- Penghuni mestilah memakai pakaian yang bersesuaian mengikut program/aktiviti yang dijalankan.
- Penghuni mestilah sentiasa memakai selipar/kasut semasa berada di dalam kawasan asrama.

15.0 KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

a. Kebersihan dan Kesihatan Diri Penghuni

- Penghuni hendaklah menjaga kebersihan diri seperti rambut, gigi, kuku, badan dan pakaian.
- Penghuni yang mengalami masalah kesihatan hendaklah memaklumkan kepada Penyelia Asrama untuk diberikan rawatan segera.
- Penghuni yang sakit akan diasingkan di bilik sakit atau dibenarkan pulang ke rumah sekiranya mendapat cuti sakit melebihi dua (2) hari.
- Penghuni lain tidak dibenarkan masuk atau berada di dalam bilik sakit.

b. Kebersihan Dorm

- Dorm hendaklah sentiasa bersih dan teratur.
- Penghuni tidak dibenarkan membawa makanan bermasak atau minuman bergula dari luar ke dalam dorm.
- Pakaian dan kelengkapan alat harian penghuni seperti tuala, cadar, sarung bantal dan selimut hendaklah sentiasa bersih dan kemas.
- Pakaian dan tuala yang basah hendaklah disidai di tempat yang disediakan.
- Cadar dan sarung bantal hendaklah dikemas setiap hari dan ditukar sekurang-kurangnya dua minggu sekali.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

- Tidak dibenarkan mengubah kedudukan atau memindah keluar perabot ke tempat lain.
- Tidak dibenarkan menampal atau menconteng dinding dorm.
- Sentiasa memastikan alat-alat pembersihan berada dalam keadaan kemas dan teratur di dalam dorm.
- Baju sentiasa berlipat atau digantung di dalam almari.
- Sentiasa membuang sampah di dalam tong sampah yang disediakan.

c. Kebersihan Dewan Makan

- Penghuni hendaklah sentiasa menjaga kebersihan di dalam dewan makan.
- Penghuni hendaklah sentiasa mematuhi peraturan sebelum, semasa dan selepas makan yang dipamerkan di dewan makan.
- Penghuni dikehendaki mencuci sendiri bekas makanan yang telah digunakan seperti pinggan/mangkuk/dulang makanan/cawan/sudu/garfu dan sebagainya.
- Penghuni hendaklah sentiasa mematuhi jadual bertugas yang telah disediakan.

d. Kebersihan Bilik Air Dan Tandas

- Penghuni tidak dibenarkan merendam pakaian di dalam sinki.
- Penghuni hendaklah menjaga kebersihan bilik air dan tandas setiap masa.
- Penghuni tidak dibenarkan membuang sampah/tuala wanita ke dalam lubang tandas.
- Penghuni hendaklah menyidai pakaian di tempat yang dikhaskan dan tidak melonggokkan pakaian di dalam bilik air.
- Penghuni hendaklah memastikan tandas di pam selepas setiap kali digunakan ketika membuang air kecil atau besar.
- Penghuni dilarang membuang air kecil selain dari tempat yang telah disediakan.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

e. Kebersihan Kawasan Asrama

- Penghuni bertanggungjawab memastikan kawasan asrama berada dalam keadaan baik dan bersih.

16.0 AKTIVITI/PROGRAM

Semua penghuni diwajibkan mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti atau program anjuran pihak sekolah dan Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/ Miskin MAIM.

17.0 KESELAMATAN

- a. Keselamatan harta benda penghuni, termasuk barang peribadi adalah di bawah tanggungjawab sendiri.
- b. Penghuni tidak dibenarkan membawa semua perkakasan elektrik.
- c. Penghuni tidak dibenarkan membawa barang berharga dan menyimpan wang melebihi RM10.00 di asrama. Pihak pengurusan tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan.
- d. Penghuni tidak dibenarkan membawa atau menyimpan alatan tajam dan berbahaya seperti pisau, gunting, racun dan lain-lain.
- e. Penghuni hendaklah sentiasa peka dan mematuhi peraturan sewaktu kebakaran atau kecemasan.
- f. Penghuni dilarang membuat sambungan elektrik, menggunakan lilin/pelita, membakar ubat nyamuk dan sebagainya.
- g. Penghuni hendaklah memastikan perkakasan elektrik yang disediakan sentiasa ditutup selepas digunakan.
- h. Penghuni dilarang membuat apa-apa perbuatan yang mendatangkan kecederaan ke atas diri sendiri.

18.0 PENGGUNAAN AIR DAN ELEKTRIK

- a. Penghuni hendaklah berhemah dalam penggunaan air dan elektrik.
- b. Penghuni hendaklah melaporkan sebarang kerosakan kepada pihak pengurusan dengan kadar segera.





GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

19.0 KELUAR MASUK ASRAMA UNTUK URUSAN PERIBADI

- a. Ibu/bapa/penjaga hendaklah mengemukakan borang/surat permohonan kepada Pengurus atau Penyelia Asrama dan kelulusan keluar asrama adalah atas pertimbangan Pengurus atau Penyelia Asrama.
- b. Penghuni hanya dibenarkan pulang ke rumah masing-masing dan di ambil oleh ibu/bapa/penjaga yang sah sahaja.
- c. Penghuni dikehendaki berada di dalam kawasan asrama Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin MAIM sebelum jam 6.00 petang pada tarikh akhir kebenaran diberikan. Kelulusan adalah tertakluk kepada kebenaran Pengurus atau Penyelia Asrama.
- d. Penghuni mestilah memakai pakaian asrama yang telah ditetapkan sebelum keluar/masuk asrama.

20.0 PELAWAT

- a. Pelawat hanya dibenarkan melawat pelajar di Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin MAIM atas kebenaran Pengurus atau Penyelia Asrama pada hujung minggu, iaitu Sabtu dan Ahad, minggu pertama dan ketiga setiap bulan mulai jam 12.30 tengahari hingga 4.30 petang. Sebarang lawatan di luar waktu lawatan yang ditetapkan adalah tertakluk kepada kebenaran Pengurus atau Penyelia Asrama.
- b. Pelawat mestilah memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat sebelum memasuki kawasan asrama serta dikehendaki melapor diri di pondok pengawal sebelum berjumpa dengan penghuni.
- c. Pelawat hanya dibenarkan berada di kawasan asrama yang bersesuaian kecuali dorm penghuni dan pejabat pentadbiran serta mematuhi peraturan asrama yang telah ditetapkan.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

BAHAGIAN G: PENGHUNI YANG MELANGGAR PERATURAN ASRAMA

- a. Penghuni hendaklah mematuhi semua peraturan. Kesalahan penghuni akan direkod dan disimpan di dalam fail peribadi masing-masing.
- b. Kesalahan disiplin penghuni akan dimaklumkan kepada ibu/bapa/penjaga untuk perhatian dan tindakan lanjut.
- c. Pihak pengurusan bertanggungjawab menguatkuasakan peraturan asrama mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- d. Semua perkara yang tercatat di dalam garis panduan ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. (Pindah di tempat yang bersesuaian)
- e. Sebarang tafsiran tentang Buku Garis Panduan ini tertakluk kepada Jawatankuasa Disiplin Asrama.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

BAHAGIAN H: KATEGORI-KATEGORI KESALAHAN ASRAMA

21.0 KATEGORI A (BERAT)

Bil.	Jenis Kesalahan/Salahlaku (Berat)
1	Melakukan kesalahan berat kategori B bagi kali ke empat dalam tahun yang sama.
2	Melakukan salah laku buli berdasarkan pekeliling Bil. 12/2023 Kementerian Pelajaran Malaysia.
3	Mencuri barang berharga atau wang tunai melebihi RM100.00.
4	Menceroboh ke kawasan larangan.
5	Memiliki, menyimpan, membawa senjata tajam atau objek yang berbahaya.
6	Memiliki, menyimpan, menghisap dan mengedar bahan-bahan terlarang seperti rokok, rokok elektronik, minuman keras dan dadah.
7	Memukul dengan tujuan mencederakan atau menyakitkan penghuni atau kakitangan asrama lain.
8	Menjalankan aktiviti yang menjejaskan akidah.
9	Ponteng puasa Ramadan.
10	Membaca, menulis, melukis, memiliki dan menyebarkan bahan-bahan lucah.
11	Menggunakan bahasa atau isyarat lucah.
12	Melakukan perlakuan homoseksual (<i>LGBT</i>) atau perilaku sumbang.
13	Merosakkan harta benda asrama atau harta persendirian milik kakitangan asrama dan penghuni.
14	Menjatuhkan imej/maruah asrama di media sosial dengan tujuan mengaibkan pihak pengurusan.
15	Meninggalkan asrama secara berterusan lebih dari satu minggu.
16	Sengaja mencetuskan konflik atau perbalahan terhadap perkara-perkara sensitif.
17	Mengganggu emosi dan ketenteraman ke atas kakitangan asrama atau pelajar.
18	Melakukan perkara yang boleh merosakkan atau mencederakan diri sendiri.
19	Berjudi atau bermain permainan yang berunsur perjudian.
20	Membawa masuk orang luar ke asrama.
21	Menyalahgunakan peralatan elektrik atau pendawaian haram.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

22.0 KATEGORI B (SEDERHANA)

Bil.	Jenis Kesalahan/Salahlaku (Sederhana)
1	Melakukan kesalahan berat kategori C bagi kali ke empat dalam tahun yang sama.
2	Mencuri barang berharga atau wang tunai tidak melebihi RM100.00.
3	Penghuni tidak mematuhi waktu balik ke asrama yang telah ditetapkan.
4	Balik ke asrama dengan menggunakan pengangkutan awam seperti perkhidmatan e-hailing, bas, teksi dan sebagainya kecuali mendapat kebenaran pihak pengurus atau penyelia asrama.
5	Bersikap biadap/tidak sopan/melawan/ingkar arahan kakitangan asrama.
6	Meniru tandatangan ibu/bapa/penjaga atau kakitangan asrama.
7	Menyalahguna atau menjual nama kakitangan asrama dengan tujuan untuk kepentingan diri sendiri.
8	Bercakap bohong atau menipu.
9	Ponteng program/aktiviti anjuran asrama.
10	Ponteng sembahyang jemaah dengan sengaja.
11	Tidak memakai pakaian rasmi asrama semasa keluar/masuk ke asrama.
12	Menggunakan makmal komputer/bilik televisyen tanpa kebenaran.
13	Bersubahat dengan tujuan melindungi kesalahan yang dilakukan oleh pelajar lain.
14	Membawa telefon bimbit peribadi tanpa kebenaran.
15	Membawa makanan dimasak atau minuman berat ke dalam dorm.
16	Tidak mematuhi jadual bertugas yang telah disediakan.
17	Pindah dorm tanpa kebenaran.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

23.0 KATEGORI C (RINGAN)

Bil.	Jenis Kesalahan/Salahlaku (Ringan)
1	Pakaian sekolah kotor dan tidak bergosok.
2	Tidak memakai tanda nama dan lencana sekolah.
3	Tiada atau lewat berada di dewan makan semasa waktu makan.
4	Tidak beratur semasa di dewan makan.
5	Tidak mengangkat pinggan, cawan atau perkakasan selepas makan di dewan makan.
6	Mengambil makanan penghuni lain tanpa kebenaran.
7	Tiada di bilik tuisyen/dewan/surau/padang ketika program/aktiviti dijalankan.
8	Tidak menjalankan tanggungjawab dan memberikan kerjasama dalam program/aktiviti.
9	Tidak memberikan perhatian semasa guru sedang mengajar atau dalam majlis rasmi.
10	Melakukan pembaziran air atau elektrik.
11	Lewat untuk solat berjemaah.
12	Tidak memakai pakaian menutup aurat di kawasan terbuka.
13	Tidak berada di katil selepas 12.00 malam.
14	Tidak menyangkut pakaian di tempat yang disediakan.
15	Mengubah kedudukan perabot dari tempat yang ditetapkan.
16	Tidak memulangkan semula harta benda asrama yang telah dipinjam.
17	Tempat tidur, kasut dan barang dalam almari tidak tersusun.
18	Bilik dorm dalam keadaan kotor.
19	Tidur di dorm pelajar lain tanpa kebenaran.
20	Meludah dan membuang sampah di merata tempat di kawasan asrama.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

BAHAGIAN I: TINDAKAN TATATERTIB

PERINGATAN

- Kesalahan-kesalahan bagi kelas B dan C yang dilakukan berulang kali boleh dinaikkan ke kelas yang lebih tinggi / berat.
- Segala kesalahan bagi kelas A, B dan C adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa atau mengikut budi bicara pihak pengurusan asrama.
- Untuk kes-kes yang tidak tercatat dalam mana-mana kelas di atas adalah terpulang kepada budi bicara pihak jawatankuasa disiplin asrama untuk menentukannya.

24.0 HUKUMAN KATEGORI A (BERAT)

Bil.	Jenis Kesalahan/Salahlaku (Berat)	Tindakan/Hukuman
1	Melakukan kesalahan berat kategori B bagi kali ke empat dalam tahun yang sama.	1. Lapor kepada pihak berkuasa.
2	Melakukan salah laku buli berdasarkan pekeliling Bil. 12 Kementerian Pelajaran Malaysia.	2. Digantung/dibuang dari asrama.
3	Mencuri barang berharga atau wang tunai melebihi RM100.00	3. Rujuk pekeliling Bil.12/2023 Kementerian Pelajaran Malaysia.
4	Menceroboh ke kawasan larangan.	4. Rujuk kepada Kaunselor/Pegawai Psikologi.
5	Memiliki, menyimpan, membawa senjata tajam atau objek yang berbahaya.	5. Merampas senjata tajam/objek berbahaya.
6	Memiliki, menyimpan, menghisap dan mengedar bahan-bahan terlarang seperti rokok, rokok elektronik, minuman keras dan dadah.	6. Tidak dibenarkan menggunakan kemudahan asrama(mengikut pertimbangan jawatankuasa disiplin asrama) selama 7 hari.
7	Memukul dengan tujuan mencederakan atau menyakitkan penghuni atau kakitangan asrama lain.	7. Khidmat Kerja Sosial.
8	Menjalankan aktiviti yang menjejaskan akidah.	8. Mengurangkan wang saku sekolah selama tiga hari.
9	Ponteng puasa Ramadhan.	9. Memulangkan semula barang atau wang tunai yang dicuri/ganti rugi mengikut nilai barang.
10	Membaca, menulis, melukis, memiliki dan menyebarkan bahan-bahan lucah.	
11	Menggunakan bahasa atau isyarat lucah.	
12	Melakukan perlakuan homoseksual (LGBT) atau perilaku suumbang.	
13	Merosakkan harta benda asrama atau harta persendirian milik kakitangan asrama dan penghuni.	



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

14	Menjatuhkan imej/maruah asrama di media sosial dengan tujuan mengaibkan pihak pengurusan.	10. Minta maaf kepada pihak pengurusan asrama.
15	Meninggalkan asrama secara berterusan lebih dari satu minggu.	11. Minta maaf kepada pemilik barang atau wang tunai.
16	Sengaja mencetuskan konflik atau perbalahan terhadap perkara-perkara sensitif.	12. Surat aku janji.
17	Mengganggu emosi dan ketenteraman ke atas kakitangan asrama atau penghuni.	13. Pengakuan bertulis pelajar.
18	Melakukan perkara yang boleh merosakkan atau mencederakan diri sendiri.	14. Menghubungi ibu/bapa/penjaga.
19	Berjudi atau bermain permainan yang berunsur perjudian.	
20	Membawa masuk orang luar ke asrama.	
21	Menyalahgunakan peralatan elektrik atau pendawaian haram.	

25.0 HUKUMAN KATEGORI B (SEDERHANA)

Bil.	Jenis Kesalahan/Salahlaku (Sederhana)	Tindakan/Hukuman
1	Melakukan kesalahan berat kategori C bagi kali ke empat dalam tahun yang sama.	1. Digantung/dibuang dari asrama.
2	Mencuri barang berharga atau wang tunai tidak melebihi RM100.00	2. Rujuk kepada Kaunselor/Pegawai Psikologi.
3	Penghuni tidak mematuhi waktu balik ke asrama yang telah ditetapkan.	3. Tidak dibenarkan menggunakan kemudahan asrama(mengikut pertimbangan jawatankuasa disiplin asrama) selama 7 hari.
4	Balik ke asrama dengan menggunakan pengangkutan awam seperti perkhidmatan e-hailing, bas, teksi dan sebagainya kecuali mendapat kebenaran pihak pengurus atau penyelia asrama.	4. Khidmat Kerja Sosial.
5	Bersikap biadap/tidak sopan/melawan/ ingkar arahan kakitangan asrama.	5. Mengurangkan wang saku sekolah selama tiga hari.
6	Meniru tandatangan ibu/bapa/penjaga atau kakitangan asrama.	6. Memulangkan semula barang atau wang tunai yang dicuri/ganti rugi mengikut nilai barang.
7	Menyalahguna atau menjual nama kakitangan asrama dengan tujuan untuk kepentingan diri sendiri.	7. Minta maaf kepada pihak pengurusan asrama.
8	Bercakap bohong atau menipu.	
9	Ponteng program/aktiviti anjuran asrama.	
10	Ponteng sembahyang jemaah dengan sengaja.	
11	Tidak memakai pakaian rasmi asrama semasa keluar/masuk ke asrama.	



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAM)

12	Menggunakan makmal komputer/bilik televisyen tanpa kebenaran.	8. Minta maaf kepada pemilik barang atau wang tunai.
13	Bersubahat dengan tujuan melindungi kesalahan yang dilakukan oleh pelajar lain.	9. Surat aku janji.
14	Membawa telefon bimbit peribadi tanpa kebenaran.	10. Pengakuan bertulis pelajar.
15	Membawa makanan bermasak atau minuman berat ke dalam dorm.	11. Menghubungi ibu/bapa/penjaga.
16	Tidak mematuhi jadual bertugas yang telah disediakan.	
17	Pindah dorm tanpa kebenaran.	

26.0 HUKUMAN KATEGORI C (RINGAN)

Bil.	Jenis Kesalahan/Salahlaku (Ringan)	Tindakan/Hukuman
1	Pakaian sekolah kotor dan tidak bergosok.	1. Tidak dibenarkan menggunakan kemudahan asrama(mengikut pertimbangan jawatankuasa disiplin asrama) selama 7 hari.
2	Tidak memakai tanda nama danencana sekolah.	2. Rujuk kepada Kaunselor/Pegawai Psikologi.
3	Tiada atau lewat berada di dewan makan semasa waktu makan.	3. Khidmat Kerja Sosial.
4	Tidak beratur semasa di dewan makan.	4. Mengurangkan wang saku sekolah selama tiga hari.
5	Tidak mengangkat pinggan, cawan atau perkakasan selepas makan di dewan makan.	5. Minta maaf kepada pihak pengurusan asrama.
6	Mengambil makanan penghuni lain tanpa kebenaran.	6. Permohonan maaf secara terbuka.
7	Tiada di bilik tuisyen/dewan/surau/padang ketika program/aktiviti di jalankan.	7. Surat aku janji.
8	Tidak menjalankan tanggungjawab dan memberikan kerjasama dalam program/aktiviti.	8. Pengakuan bertulis pelajar.
9	Tidak memberikan perhatian semasa guru sedang mengajar atau dalam majlis rasmi.	9. Menghubungi ibu/bapa/penjaga.
10	Melakukan pembaziran air atau elektrik.	
11	Lewat untuk solat berjemaah.	
12	Tidak memakai pakaian menutup aurat di kawasan terbuka.	
13	Tidak berada di katil selepas 12.00 malam.	
14	Tidak menyangkut pakaian di tempat yang disediakan.	
15	Mengubah kedudukan perabot dari tempat yang ditetapkan.	



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

16	Tidak memulangkan semula harta benda asrama yang telah dipinjam.	
17	Tempat tidur, kasut dan barang dalam almari tidak tersusun.	
18	Bilik dorm dalam keadaan kotor.	
19	Tidur di dorm pelajar lain tanpa kebenaran.	
20	Meludah dan membuang sampah di merata tempat di kawasan asrama.	

BAHAGIAN J:

26.0 AM

- Penghuni hendaklah sentiasa mematuhi Jadual Harian Pelajar (Jadual 1) Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/ Miskin MAIM sebagaimana yang telah ditetapkan.
- Selain daripada mematuhi peraturan asrama, penghuni juga adalah tertakluk kepada peraturan sekolah.
- Penghuni yang dikenakan tindakan buang asrama oleh pengurusan Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin MAIM dibenarkan untuk membuat rayuan dalam tempoh 30 hari selepas rayuannya diterima dari pihak sekolah dan kelulusan adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin MAIM.
- Sebarang masalah yang dihadapi oleh penghuni hendaklah dimaklumkan segera kepada Pengurus atau Penyelia Asrama.
- Penghuni diwajibkan solat lima waktu berjemaah di surau dan tidak dibenarkan solat di dalam dorm.
- Surat atas nama penghuni/ibu/bapa/penjaga atau bungkusan peribadi pelajar yang dialamatkan ke Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin MAIM akan dibuka terlebih dahulu oleh pihak pengurusan Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin MAIM.



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DI BAWAH PENTADBIRAN
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

27.0 JAWATANKUASA DISIPLIN ASRAMA

Pengerusi : Pengerusi Lembaga Rumah Kebajikan Anak Yatim/Miskin

Penasihat : Pengurus Baitulmal, MAIM

Setiausaha : Pengurus Rumah Kebajikan Anak Yatim/Miskin MAIM

Ahli : Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan Insan, MAIM

: Penolong Pegawai Undang-undang, MAIM

: Ketua Kerani (CC), MAIM

Urusetia : Penyelia Asrama Kebajikan Anak Yatim/Miskin, MAIM

: Pembantu Tadbir Rumah Kebajikan Anak Yatim/Miskin, MAIM

- ❖ Penglibatan kehadiran sekurang-kurangnya 2/3 Ahli Jawatankuasa pada setiap mesyuarat yang bersidang



MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

- 📍 PUSAT ISLAM MELAKA,
Jalan Bukit Palah, 75400, Melaka
- 🌐 www.maim.gov.my